

# JPM bertahlil di Kubah Makam Diraja



**MAJLIS** Membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil yang diadakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya, kelolaan Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Peguam Negara di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Mei. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis kelolaan Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Peguam Negara itu adalah bagi bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Yang

Dimulakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin manakala Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar memimpin bacaan Tahlil.

Bacaan Doa Tahlil dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan

**Berita dan Foto :**  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abd. Majid.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan di JPM dan jabatan di bawahnya.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan dengan 7 September 1986 Masihi dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung pada 20 Syawal 1399 Hijrah bersamaan dengan 13 September 1979 Masihi.

## Syukuri hidayah kurnia Allah

**Berita dan Foto :** Marlinawaty Hussin



**TALK Show** bertajuk 'Allah Sayang Kita' disampaikan oleh Pendakwah Undangan dari Malaysia, Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau (kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Mei. - Hidayah merupakan sesuatu yang sangat berharga dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang berhak memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Oleh itu, kita sebagai umat Islam perlu berasa bersyukur kepada Allah atas limpahan kasih dan sayang-Nya kepada kita melalui rahmat serta hidayah yang diberikan.

Perkara tersebut antara inti pati yang terkandung dalam acara Talk Show bertajuk 'Allah Sayang Kita' yang disampaikan oleh Pendakwah Undangan dari Malaysia, Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau, di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Selain itu, beliau juga mengongsikan pengalaman

beliau dalam menjalankan tugas-tugas dakwah bagi menyampaikan kebenaran dan mengajak golongan masyarakat untuk mengenal Islam dan mendekati Allah.

Acara tersebut antara lain bertujuan untuk mendidik umat Islam agar menjadikan Allah sebagai keutamaan dalam hidup mereka, di samping merasakan dekatnya kasih sayang Allah kepada setiap hamba-Nya.

Talk Show tersebut dipengerusikan oleh Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Acara anjuran Belia Dai'e, Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama itu turut mendapat sambutan menggalakkan dari orang ramai.



**TALK Show** anjuran Belia Dai'e Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah mendapat sambutan orang ramai.

## Peserta Bengkel Lughatul Mu'allim terima sijil



**KETUA** Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Mohd. Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin (kiri) menyampaikan sijil kepada para peserta Bengkel Lughatul Mu'allim.

**Berita dan Foto :** Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 8 Mei. - Seramai 19 peserta bengkel yang terdiri daripada guru-guru Sekolah Arab menerima sijil tamat kursus pembelajaran bahasa Arab dalam Bengkel Lughatul Mu'allim yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bertempat di Dewan Ta'lim, kolej berkenaan.

Bengkel Lughatul Mu'allim dijalankan bermula pada 20 Februari dan berakhir 1 Mei 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada

para peserta bengkel ialah Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Mohd. Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Bengkel Lughatul Mu'allim adalah sebuah program yang diperkenalkan khusus bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia mula diadakan buat kali pertama pada tahun 2017, iaitu bagi seramai 20 pegawai dan guru-guru sekolah Arab pada setiap sesi bengkel yang

diadakan selama 10 minggu.

Program ini merupakan usaha KUPU SB sebagai institusi perguruan dalam meningkatkan kemampuan para guru dalam menguasai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar dapat diperbaiki dan dikemas kini di sekolah masing-masing.

Antara objektif bengkel tersebut dianjurkan ialah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Keenam 2016 agar mempertingkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Selain itu, ia juga bagi memastikan para guru dapat menguasai empat kemahiran asas dalam bidang bahasa Arab, iaitu Istim'a, Qira'ah, Kitabah dan Kalam. Selanjutnya, bengkel ini juga diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada para guru pedagogi pengajaran bahasa Arab yang terkini dan lebih efektif, selain menyediakan peluang bagi pertukaran pengalaman mengenai isu-isu yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mencari mekanisme terbaik ke arah penyelesaian dan pembaikan yang berkesan.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Ra'es, Dr. Haji Abang Hdzmin bin Haji Abang Taha, Pemangku Penolong Ra'es, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh, pegawai-pegawai utama, pensyarah-pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB.